

# Maksimum rumah RM400,000

Suami isteri boleh buat pinjaman bersama beli kediaman selesa

B/A 8/10/2011 16/MS.

● AFENDI MOHAMED | BERITA HARIAN

## BAJET 2012

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam berkata kerajaan mencadangkan supaya had maksimum harga rumah dalam Skim Rumah Pertamaku dinaikkan daripada RM220,000 kepada RM400,000.

Penambahbaikan itu boleh dinikmati oleh pembeli rumah melalui pinjaman bersama suami isteri bermula Januari 2012. Kerajaan Mac lalu melancarkan skim berkenaan bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan kurang RM3,000 dan perubahan ini bagi menambah baik skim berkenaan.

Najib berkata, kerajaan juga sudah menubuhkan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sebagai satu agensi tunggal yang berperanan untuk membangun dan menyelenggarakan perumahan mampu milik berkualiti khusus untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan sederhana.

Katanya, bagi 2012, sebanyak



ORANG ramai beratur untuk membeli Laporan Ekonomi 2011/2012 di Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya, petang semalam.

## REAKSI



Perluasan program Skim Rumah Pertamaku dengan harga maksimum rumah dinaikkan daripada RM220,000 kepada RM400,000 adalah langkah positif membantu golongan muda memiliki rumah. Seperti yang kita tahu, golongan muda tidak mempunyai tabungan untuk memiliki rumah lebih-lebih lagi selepas berkahwin

**Puteri Nordiana Megat Abdul Aziz**  
Pekerja swasta



Setiap keputusan yang diambil kerajaan ada kesan positif dan negatif. Bagi saya, inisiatif kerajaan amat dipuji dan kita nampak kerajaan mengambil berat mengenai orang muda. Perluasan program Skim Rumah Pertamaku misalnya, memperlihatkan kesungguhan

7,700 unit rumah akan dibina di Cyberjaya, Putra Heights, Seremban, Damansara dan Bukit Raja, Klang.

"Harga rumah yang ditawarkan di bawah skim ini lebih rendah berbanding harga pasaran disebabkan tanah dan dana mudah cara disediakan kepada pemaju," katanya.

Misalnya, katanya, satu unit apartmen dengan keluasan 1,000 kaki persegi di Putrajaya dijual pada harga RM150,000 berbanding harga pasaran RM220,000.

Najib berkata kerajaan juga akan memberi pengecualian sepenuhnya duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman di bawah program ini.

Beliau berkata bagi melindungi pembeli rumah yang berisiko tidak siap atau lewat disiapkan, kerajaan menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah menggunakan kaedah bina kemudian jual.

Katanya, bank Islam yang ber-

setuju akan menyedikan pembiayaan patuh syariah dan mengambil risiko pembinaan dan pembeli hanya membayar ansuran selepas rumah siap dibina. Skim ini akan dilaksanakan bagi rumah bernilai RM600,000 dan ke bawah.

Katanya, berikutan ramai lagi rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah yang masih be-



*SPNB diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat pada 2012. Kos rumah yang bernilai RM65,000 ini akan dijual RM45,000 saja*

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

milik di rumah, Program Perumahan rakyat (PPR) akan diteruskan dengan membina lebih 75,000 unit rumah mampu milik di bawah Rancangan Malaysia (RMK) Ke-10.

Bagi 2012, sebanyak RM443 juta diperuntukkan bagi membina hampir 8,000 unit PPR disewa dan lebih 7,000 unit dimiliki.

Najib berkata, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat pada 2012.

"Kos rumah yang bernilai RM65,000 ini akan dijual RM45,000 saja iaitu bagi setiap unit rumah diberi subsidi kerajaan sebanyak RM20,000," katanya.

Beliau berkata kerajaan bercadang melaksanakan Program Pemulihan Rumah Terbengkalai pada 2012 dengan peruntukan sebanyak RM63 juta untuk memulihkan 1,270 unit rumah terbengkalai.

Selain itu, sebanyak RM40 juta pula diperuntukkan untuk membaik pulih dan menyelenggarakan rumah kos rendah awam dan swasta, katanya.

Golongan ekspatriat, yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara yang berjumlah sebanyak 41,000 orang dibenarkan mengeluarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka untuk pinjaman perumahan.

Beliau berkata pelaksanaan ini sama seperti warga negara Malaysia, selain untuk menyediakan suasana kondusif bagi menggalakkan ekspatriat terus berkhidmat di negara ini.

Najib berkata, kerajaan juga bercadang untuk mewujudkan Tabung Khas Perumahan Nelayan dengan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk membaik pulih rumah golongan nelayan yang daif agar menjadi lebih selesa dengan prasarana asas.

*kerajaan mengambil risiko demi kepentingan rakyat*

**Mohd Shazarul Shamsudin**  
Pekerja swasta



*Saya menyokong pengumuman pengecualian caj pendaftaran hospital dan klinik kesihatan serta pengurangan tambang sebanyak 50 peratus bagi sistem transit aliran ringan (LRT) dan Monorel. Ini membuktikan golongan pesara tidak diketepikan, malah mendapat manfaat*

**Elyas Mohd**  
Pesara



*Saya dapat lihat perubahan positif berbanding tahun lalu dengan pelbagai lapisan masyarakat mendapat manfaat. Misalnya, dengan perluasan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah selesa*

**Adelina Addlan**  
Penjawat awam

## Peruntukan RM320 juta bantu kegiatan belia

**KUALA LUMPUR:** Peruntukan RM320 juta dan sumbangan pengupayaan untuk Majlis Belia Negeri dan daerah bagi melaksanakan pelbagai program kepemimpinan, daya tahan dan keusahawanan dilihat sebagai tepat pada masanya untuk terus memperkasa golongan belia di negara ini.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohamad Maliki Mohamad Rafiee berkata, langkah itu selaras dengan kehendak serta misi MBM dalam melahirkan lebih ramai pemimpin muda yang mempunyai daya kepemimpinan tinggi

supaya mereka mampu menongkah arus moden pada hari ini.

"Kita mengalu-alukan saranan kerajaan untuk terus memberi keyakinan kepada belia di negara ini dalam pelbagai bentuk terutama peruntukan bagi persatuan menjalankan aktiviti dan sebarang latihan kepemimpinan.

"Apa yang kita harapkan, peruntukan yang diberikan dapat digunakan sebaik mungkin oleh semua pemimpin dan penggerak belia di seluruh negara bagi memastikan misi utama untuk membantu kerajaan dalam memperkasakan ke-

piemimpinan belia tercapai," katanya ketika dihubungi semalam.

"Melalui Bajet 2012 itu kita boleh lihat banyak peruntukan disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan termasuk pemansuhan RM150 juta terhadap bayaran kokurikulum, kertas ujian dalaman, yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, dan insurans takaful kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Majlis Belia Selangor, Badrul Hisham Badrudin berkata, Bajet

2012 dibentangkan Perdana Menteri bersifat menyeluruh kepada semua lapisan belia.

"Kerajaan juga tidak lupa kepada belia yang tercicir di dalam pembelajaran dengan mewujudkan program strategik untuk belia 1Malaysia atau Strategic Action for Youth (SAY) untuk membela rakyat dan mensejahterakan negara.

"Belia diberi persediaan kemahiran atau *soft skills* dikendalikan Kolej Komuniti, Institusi Kemahiran Mara, Institusi Latihan Perindustrian dan Giat Mara," katanya.